

USIM, media rentap bowling

Oleh Mohd Amin Jalli
sukan@hmetro.com.my

Seremban: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai mengadakan Majlis Malam Media Negeri Sembilan 2015 melalui perlawanan bowling persahabatan antara USIM dengan Kelab Wartawan Negeri Sembilan (i-KWAN) di Pusat Bowling Mydin Mall Seremban 2, baru-baru ini.

Seramai kira-kira 150 kalangan peserta petugas media dan kakitangan USIM menyertai perlawanan membabitkan balingan dua pusingan.

Antara media menyertai program itu Harian Metro, Berita Harian, Utusan Malaysia, Sinar Harian, News Straits Times, The Star, N9 Kini, Kosmo, BERNAMA, TV

Alhijrah, TV3 dan RTM.

Kumpulan News Straits Times Press (NSTP) mendominasi perlawanan apabila pasukan Harian Metro muncul naib johan manakala Unit Foto NSTP Seremban meraih tempat ketiga. Johan diraih Utusan Malaysia.

Pengarah Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM, Dr Faizal Kasmani berkata, program meraikan petugas media itu kali kedua diadakan namun perlawanan bowling dipilih kali ini sebagai suatu aktiviti riadah berbentuk santai bagi menonjolkan semangat kerjasama berkumpulan.

Katanya, penganjuran program itu bertujuan mendekatkan pengurusan universiti dengan pengamal media dalam mem-

bina hubungan strategik yang baik serta berterusan untuk kepentingan bersama.

Antara kategori dipertandingkan berkumpulan, individu dan tangan emas dengan setiap pemenang menerima hadiah wang tunai, trofi dan hamper.

Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Zulkiple Abd Ghani turut hadir dan menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Pegawai kanan USIM lain yang hadir termasuk Pendaftar USIM, Muhammad Haizuan Rozali dan Penolong Pendaftar Mohd Zaini Othman serta Presiden I-KWAN, Ainol Amriz Ismail.



PESERTA bergambar kenangan.